



SULTAN IBRAHIM SULTAN ISKANDAR (tengah) mencemar duli merakam gambar kenangan bersama pegawai-pejawai yang menjayakan Program Kembara Mahkota Johor (KMJ) 2015 ketika Majlis Penutup KMJ di Hutan Bandar Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah, Mutiara Rini, Johor Bahru, semalam. - UTUSAN/MOHD. HAZROL ZAINAL

Manifestasi institusi diraja utamakan rakyat

JOHOR BAHRU 13 Ogos - Kembara Mahkota Johor (KMJ) 2015 melabuhkan tirainya hari ini selepas menjelajah sejauh 858 kilometer ke semua daerah di negeri ini.

Majlis penutupan KMJ 2015 yang memasuki edisi ke-18 itu diadakan di Hutan Bandar Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah (MPJBT), Mutiara Rini dekat sini, kira-kira pukul 2.30 petang.

Ketibaan konvoi KMJ 2015 yang diketuai Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar dan Raja Permaisuri Johor, Tuanku Raja Zarith Sofiah Sultan Idris Shah serta anakanda baginda disambut oleh Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin.

Yang turut hadir, Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN), Tan Sri Mohamad Aziz dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Ismail Karim, barisan Exco kerajaan negeri, ketua-ketua jabatan dan pemimpin masyarakat pelbagai kaum.

Menteri Besar dalam ucapannya menyifatkan KMJ 2015 selama empat hari yang bermula 10 Ogos lalu merupakan manifestasi pemerintahan yang sentiasa mengutamakan segala kepentingan rakyat serta pelbagai aktiviti yang diadakan begitu menyerlahkan keakraban baginda dan kerabat diraja dengan rakyat jelata.

Beliau berkata, KMJ juga memperlihatkan betapa kukuh dan



dekatnya institusi raja dalam hati rakyat kerana peranan besar pihak istana untuk mewujudkan suasana kehidupan yang sejahtera, makmur dan maju.

"Kembara ini juga membuka ruang untuk semua pihak menambah baik segala perkhidmatan dan amal serta bakti kepada rakyat seiring dengan dasar pembangunan negeri yang bersifat prorakyat dan inklusif," katanya.

Terdahulu dalam jelajah terakhir hari ini, konvoi berkenaan singgah di Felda Semenchu, Kota Tinggi untuk berjumpa dan beramah mesra dengan golongan peneroka di tanah rancangan tersebut.

Ketibaan rombongan kira-kira pukul 8.30 pagi disambut meriah oleh penduduk termasuk dengan persembahan silat serta acara me-manah berkuda.

Dalam majlis kira-kira sejam itu, anakanda baginda turut mengam-

bil peluang menyertai pelbagai acara yang diadakan seperti Tunku Putera Johor, Tunku Abu Bakar menunjukkan bakat bermain dart, ceper, lastik getah dan membaling tin menggunakan tandan sawit.

Konvoi tersebut kemudian meneruskan jelajah ke Felda Taib Andak, Kulaijaya dan ketibaan Sultan Ibrahim disambut meriah oleh lebih 5,000 penduduk.

Di situ, dua orang putera bapinda, iaitu Tunku Temenggong Johor, Tunku Idris Shah menjadi perhatian orang ramai apabila dibawa melawat ke pameran kesihatan, barang kraf tangan dan produk pertanian, manakala Tunku Panglima Johor, Tunku Abdul Rahman merasmikan pertandingan membelah kayu yang menyaksikan kumpulan media Johor menewaskan pasukan KMJ dan pejabat daerah.

Rombongan berkenaan kemudian menuju ke Sekolah Meningah Kebangsaan (SMK) Sultan Ibrahim yang pasti menjadi program bersejarah kerana sekolah tersebut menyambut jubli emas penubuhannya semalam.

Sultan Ibrahim turut berkenan menandatangani plak sambutan tersebut dan kemudian meneruskan konvoi ke Kampung Sinaran Baru, Kempas untuk beramah mesra dengan penduduk sebelum menuju ke lokasi majlis penutupan di Mutiara Rini.